

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI AHAD, 3 DISEMBER 2023, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

- 1. DOA**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR**
- 3. SOALAN LISAN -**

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)  
SOALAN 1 (A102)**

Apakah inisiatif kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap fasiliti/premis bagi memperkasa pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak di tabika KEMAS dalam Negeri Johor khususnya untuk 20 bangunan Tadika KEMAS dalam DUN Tiram?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)  
SOALAN 2 (A128)**

Permintaan golongan B40 memasuki sekolah Tadika KEMAS semakin tinggi hingga ramai kanak-kanak 4 dan 5 tahun tidak bersekolah disebabkan tadika swasta mengenakan yuran diluar kemampuan mereka. Berapa banyak Tadika KEMAS akan diwujudkan di kawasan Parlimen Pasir Gudang?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)  
SOALAN 3 (A6)**

Banyak kes kebakaran di kawasan Skudai yang melibatkan milikan strata. Bolehkah saya mendapatkan perincian berapa jumlah kebakaran yang telah berlaku di kawasan tersebut dari awal tahun?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)  
SOALAN 4 (A39)**

Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi persediaan menghadapi Monsun Timur Laut yang berkemungkinan berlakunya banjir di Johor.

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)**  
**SOALAN 5 (A50)**

Apakah persediaan yang telah dirangka dan akan dijalankan oleh kerajaan negeri bagi menghadapi Monsun Timur Laut yang akan menyebabkan berlakunya banjir di Johor?

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**  
**SOALAN 6 (A83)**

Apakah inisiatif kerajaan negeri dalam memberikan subsidi asuhan kanak-kanak atau penjagaan kanak-kanak untuk membantu golongan B40 atau ibu tunggal yang bekerja.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 7 (A131)**

Nyatakan sama ada kerajaan negeri akan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan untuk kawasan Greater Johor Bahru yang juga merangkumi trafik rentas sempadan Johor-Singapura.

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 8 (A111)**

Apakah rancangan pengangkutan bagi Bandaraya Johor Bahru sebagai bandar raya yang paling utama di Johor bagi menampung aliran trafik dan orang yang semakin meningkat?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 9 (A118)**

Bilangan kenderaan banyak menyumbang kepada kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara. Masalah ini juga menyumbang kepada pengangkutan awam tidak menepati masa mengikut perjalanan yang sepatutnya. Apakah usaha diambil untuk mengurangkan kenderaan dan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam.

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**  
**SOALAN 10 (A101)**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengkaji semula undang-undang yang berkaitan bagi melarang pernikahan bawah umur secara menyeluruh terutama bagi yang telah terlanjur dan apakah tindakan kerajaan negeri dalam hal ini?

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)**  
**SOALAN 11 (A53)**

Apakah perancangan dan usaha kerajaan negeri dalam memastikan keharmonian negeri Johor yang memiliki rakyat berbilang kaum serta budaya terjamin terpelihara?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 12 (A170)**

Nyatakan status naik taraf Pasar Awam Johor Jaya menjadi Pasar Moden.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 13 (A145)**

Dengan tekanan hidup akibat kadar inflasi yang meningkat dan kos sara hidup yang kian mahal, secara tidak langsung menyumbang kepada konflik dan krisis keganasan rumah tangga. Apakah usaha kerajaan bagi menangani permasalahan yang timbul ini sepertimana kesan rantaian yang disebutkan.

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 14 (A82)**

Mohon kerajaan menyatakan semua projek, pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir di DUN Penawar serta status terkini pelaksanaan projek tersebut.

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**  
**SOALAN 15 (A31)**

Berapa unit lampu jalan solar yang diperuntuk/diagih untuk kawasan kampung dalam DUN Jementah dalam tahun 2023? Dijangka bila lampu-lampu tersebut akan dipasang dan di manakah lokasi-lokasi tersebut?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 16 (A146)**

Apakah usaha yang dilakukan kerajaan bagi mengurangkan kesesakan pesakit di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan adakah dengan langkah pemindahan unit-unit pakar dari HSA ke hospital-hospital lain dapat mengurangkan kesesakan pesakit agar fokus rawatan pakar tidak tertumpu ke HSA sahaja.

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 17 (A75)**

Apa perancangan Kerajaan Negeri Johor untuk mahasiswa-mahasiswa dan persatuan Mahasiswa Johor yang dikelolakan oleh Yayasan Pelajaran Johor bagi menyiapkan mereka untuk dalam sektor kepimpinan bagi memajukan negeri Johor?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 18 (A182)**

Sejauh manakah pegangan pemilikan kerajaan negeri dalam Ranhill SAJ dapat memastikan kebajikan rakyat dalam perkara bekalan air ini dapat dijaga khususnya dari segi kecukupan dan tarif air yang berpatutan?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 19 (A139)**

Minta dinyatakan langkah-langkah kerajaan negeri bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir mahupun separa mahir dalam pelbagai sektor memandangkan potensi Negeri Johor sebagai pilihan pelabur.

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**  
**SOALAN 20 (A30)**

Pekan Jementah masih tiada terminal bas dan para pelajar/penduduk terpaksa tunggu bas ekspres di tepi jalan besar. Untuk makluman YAB, UiTM yang berdekatan pekan Jementah mempunyai melebihi 6000 pelajar. Mohon YAB mempertimbangkan bagi peruntukan.

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**  
**SOALAN 21 (A34)**

Berapakah jumlah bantuan kewangan bagi kerja-kerja pembaikan, menyelenggara dan kerja-kerja kecemasan Rumah Ibadat selain Rumah Ibadah Orang Islam yang telah diperuntukan bagi seluruh negeri Johor dan berapakah pula yang telah diperuntukan untuk DUN Bekok bagi tahun 2023?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**  
**SOALAN 22 (A127)**

Populasi penduduk semakin bertambah di Pasir Gudang. Berapa banyak sekolah agama, sekolah kebangsaan dan menengah akan dibina di kawasan Parlimen Pasir Gudang?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 23 (A219)**

Masalah banjir termenung di Sungai Bioh telah menjadi rungutan penduduk. Terdapat pintu air yang tidak diselenggara menyebabkan air dari kolam tadahan SAJ mengalir (backflow) ke Sungai Bioh. Oleh yang demikian, apakah tindakan pihak kerajaan dan SAJ dalam menangani masalah banjir tersebut.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 24 (A148)**

Penguatkuasaan undang-undang yang longgar menyumbang kepada punca berlakunya pencemaran sungai dan air secara berleluasa. Justeru apakah langkah yang wajar diambil oleh kerajaan bagi memastikan undang-undang dikuatkuasakan tanpa kompromi demi memelihara dan memulihara alam sekitar yang tiada gantinya ini?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 25 (A172)**

Apa usaha kerajaan negeri Johor terhadap pelajar-pelajar PPKI selepas mereka tamat persekolahan untuk memastikan mereka dapat menjana pendapatan dan bersaing dalam pasaran?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 26 (A189)**

Sejauh manakah status naik taraf jalur lebar di kawasan DUN Senggarang memandangkan masih terdapat banyak kawasan seperti di Kampung Parit Kadir Darat, Koris dan beberapa kawasan lainnya yang tidak dapat menikmati perkhidmatan tersebut dengan baik.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 27 (A42)**

Sila nyatakan tindakan susulan yang akan diambil selepas peruntukkan RM620,000.00 pada tahun 2023 untuk pengurusan sampah yang lebih efektif dan berkala di kampung-kampung luar bandar termasuk Kampung Orang Asli.

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**  
**SOALAN 28 (A63)**

Apakah langkah kerajaan bagi memastikan keselarian hubungan masyarakat bersama universiti dalam eksplorasi model ekonomi baru Johor berasaskan pengetahuan dapat dicapai.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 29 (A15)**

Selain daripada Jualan Rahmah yang dianjurkan oleh kerajaan persekutuan, apakah inisiatif daripada kerajaan negeri bagi membantu rakyat terutama dalam negeri Johor bagi mengurangkan tekanan akibat kenaikan harga barang di pasaran sekarang?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 30 (A21)**

Bagaimanakah kerajaan negeri melakukan pemantauan bagi menyekat pembelian barang-barang bersubsidi oleh warga asing?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**  
**SOALAN 31 (A5)**

Banyak video bertebaran mengenai pekerja warga asing yang menyorokkan gula, beras tempatan ataupun minyak paket dan menyebabkan rakyat tempatan tidak dapat membeli barangan tersebut. Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan perkara seperti ini tidak berlaku?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 32 (A86)**

Bagaimana tindakan dan persiapan kerajaan negeri dalam mengatasi krisis bekalan makanan dan kenaikan harga barang apabila berlakunya penarikan subsidi bahan asas dan kenaikan cukai SST oleh kerajaan pusat?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 33 (A106)**

Sejauh manakah peranan dan keseriusan pihak (KPDN) dalam memantau harga barangan kawalan dan barangan lain dan adakah tindakan perundangan yang ada benar-benar berkesan dalam memastikan peniaga tidak sewenang-nya menaikkan harga agar tidak menjadi 'trend' serta ikutan kepada peniaga lain?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 34 (A179)**

Apakah strategi kerajaan negeri dalam menangani isu kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang semakin meningkat kini?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 35 (A218)**

Minta dinyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan harga barang berasaskan makanan dapat dikawal dari kenaikan yang mendadak.

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**  
**SOALAN 36 (A2)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk membina satu pangkalan data bagi pemantauan yang lebih sistematik terhadap penjenayah seksual kanak-kanak di negeri Johor?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 37 (A167)**

Nyatakan statistik kehilangan kenderaan mengikut jenis kenderaan di negeri Johor mengikut daerah bagi tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 38 (A168)**

Nyatakan bilangan suspek yang digelar sebagai "Keldai Akaun" dan bilangan yang telah diambil tindakan/dijatuh hukuman bagi tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023.

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 39 (A22)**

Adakah YAB bersedia mengadakan perbincangan dengan pihak ECER agar mungkin ada peruntukan untuk pembinaan sesuatu projek boleh diubah kepada projek naik taraf infrastruktur jalan raya kerana jalan raya juga merupakan sesuatu yang penting untuk tarik minat pelancong hadir ke Mersing?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023**

-----  
-----  
----- (Penggulungan YAB Menteri Besar Johor) -----  
-----  
-----

**5. RUNDINGAN -**

- 5.1 Rundingan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2024.
- 5.2 Rundingan Berkaitan Kenaikan Kadar Saraan, Kemudahan dan Keistimewaan-Keistimewaan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri dibawa oleh YAB Menteri Besar dan disokong oleh YB Dato' Zahari bin Sarip.
- 5.3 Rundingan mengenai Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bil. 1/2023 dibawa oleh YB Tuan Hahasrin bin Hashim Ahli Dewan Negeri Kawasan Pantii

**6. RANG UNDANG-UNDANG -**

- 6.1 Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2023.
- 6.2 Enakmen Perbekalan (2004) Tahun 2023.
- 6.3 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2023.

**Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.**